

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Wacana)

Hari/Tarikh: 6/10/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Penglibatan Sukarelawan Jayakan STEM Dipuji.

Penglibatan sukarelawan jayakan STEM dipuji

MOHD SHAFIK AHMAD

PENGLIBATAN para sukarelawan dalam menjayakan penganjuran Festival Sains,

Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) 2013 sejak 30 September sehingga 5 Oktober 2013 oleh Global STEM States di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

dipuji.

Pengarah Projek Global STEM States, Scott Campbell berkata, pembabitan peserta yang terlibat secara langsung dalam penganjuran itu dilihat mampu memupuk semangat kerjasama berpasukan.

“Apabila anda terlibat dalam penganjuran acara besar pada masa akan datang, saya yakin anda pasti dapat melakukan dengan terbaik.

“Biarpun anda merasai pelbagai perasaan dan emosi, namun ia akan lebih bermakna dengan kejayaan yang dicapai selepas acara yang dianjurkan selesai,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ringkas selepas Jamuan Penghargaan sempena Festival STEM 2013 di Detar Putra Unimas, di Unimas, semalam.

Tambahnya, dengan apa yang dipelajari sepanjang terlibat dengan program itu, sukarelawan pasti menunjukkan kemajuan serta mampu menjadi seseorang yang lebih dari pelbagai segi.

“Acara ini bukan sahaja mampu membantu Malaysia dalam usaha menjadi sebuah negara membangun, malah ia juga melibatkan Sarawak untuk mencapai status negeri maju,” ujarnya.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Global STEM States, David Goncalves.



TERIMA KASIH ... David Goncalves menyampaikan Sijil Persembahan Poster Terbaik kepada Natasha Nur Amarina Mohd Kaie sempena Festival STEM 2013, di Detar Putra, Unimas, semalam.